

Paralinguistik dalam Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak

Nur Nadirah Zukefli *, Vijayaletchumy Subramaniam

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.*

Abstrak

Paralinguistik merupakan suatu kajian tentang penggunaan suara atau vokalisasi, iaitu memperbesar dan mengecilkan suara, dan ia menjadi batasan antara interaksi verbal dengan bukan verbal atau bahasa badan. Paralinguistik adalah fokus utama kajian ini untuk membuktikan tentang penggunaannya secara tidak langsung dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Penyelidikan ini berlandaskan Teori Jean Piaget dan teori paralinguistik yang diperkenalkan oleh Bloch dan Trager, dan penganalisan data kajian dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan ciri paralinguistik dalam proses pemerolehan bahasa kanak-kanak. Elemen paralinguistik yang menjadi fokus perbincangan dalam kajian ini ialah seperti kualiti suara, vokal, anggota badan dan juga ekspresi wajah yang sangat kerap digunakan dalam membantu sesuatu proses pemerolehan bahasa kanak-kanak itu berlaku. Dapatan kajian mendapati hampir kesemua kanak-kanak yang melalui fasa pemerolehan bahasa akan menggunakan bantuan bahasa badan untuk berkomunikasi. Hal ini menunjukkan bahawa kehadiran aspek paralinguistik adalah sangat perlu dalam melancarkan lagi proses pemerolehan bahasa terutamanya bagi golongan kanak-kanak.

© 2018 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Keywords: Bahasa badan; Kanak-kanak; Paralinguistik; Pemerolehan bahasa

Paralinguistics in Child Language Acquisition

Abstract

Paralinguistic is a study on the use of sounds or vocalizations, that is to increase or decrease the sound, and paralinguistic can be the boundary between verbal and non-verbal interactions. Paralinguistic is the main focus of this study to prove its indirect use in the process of language acquisition of children. This study has its basis on the theory by Jean Piaget and the paralinguistic theory introduced by Bloch and Trager, and collected data were analysed qualitatively. The aim is to identify and describe the paralinguistic features in language acquisition of children. The paralinguistic features emphasized in the study include sound quality, vocal, postures and gestures, and facial expressions. The findings revealed that almost all children who went through the language acquisition process would use body language to communicate. This suggests that the presence of paralinguistic features is essential to help children acquire a language.

Keywords: Body language; Children; Language acquisition; Paralinguistics

* Corresponding author: Tel.: +60179875818

E-mail addresses: nadirahzukefli@gmail.com [Nur Nadirah, Z.]; letchumy1617@gmail.com [Vijayaletchumy, S.]

PENGENALAN

Bahasa merupakan salah satu medium untuk manusia berkomunikasi dengan manusia yang lain dengan mengeluarkan bunyi yang dikeluarkan oleh alat artikulasi untuk membentuk sesuatu ujaran yang mampu untuk difahami. Mengikut Mangantar Simanjuntak (1987), bahasa digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi, menyuarakan perasaan, melahirkan buah fikiran, menyampaikan ilmu, mencipta keindahan melalui kesusasteraan, sama ada secara lisan mahupun tulisan serta kebudayaan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Asmah Hj. Omar (1996) pula berpendapat bahawa bahasa ialah alat yang sering kali digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dengan manusia yang lain dengan menghasilkan bunyi bahasa yang sangat tersusun dan juga turut mengikut hukum yang wujud dalam sesebuah masyarakat pengguna sesuatu bahasa tertentu, sehinggakan ianya bukan sahaja mampu melambangkan pemikiran seseorang itu malah lebih daripada itu.

Menurut Kamaruddin Hj. Hussin (1999), komunikasi lisan berlaku apabila adanya penutur dan pendengar. Penutur ialah orang yang bercakap dengan jelas dengan sebutan yang kemas dan betul serta menggunakan intonasi dan jeda yang sesuai. Manakala pendengar pula, individu yang memahamkan ucapan yang didengar dan mentafsir serta bertindak balas terhadapnya dengan berkesan. Penutur akan menyimpan pesanan yang akan disampaikan dalam bahasa yang sesuai, manakala pendengar juga akan turut mengekod pesanan yang didengarnya. Pada masa yang sama, berlakunya pergerakan anggota tubuh badan. Perkembangan bahasa terutamanya dalam golongan kanak-kanak berlaku secara semulajadi dan seiring dengan pertumbuhan fizikal mereka.

Komunikasi melibatkan satu ataupun salah satu daripada tingkah laku dan juga kelakuan, sama ada ianya disengajakan ataupun tidak serta mempunyai maksud yang tertentu terhadap emosi ataupun fisiologi seseorang (Tarigan, 1990). Komunikasi dapat dilaksanakan dalam tiga bentuk utama, iaitu dengan auditori yang menggunakan bantuan alat artikulasi seperti bibir, lidah, lelagit, gusi, dan sebagainya. Selain itu, hal ini boleh dipamerkan dengan bantuan visual grafik, iaitu melalui penggunaan bantuan gambar mahupun video dan yang ketiga melalui bantuan visual gestural, iaitu dengan bantuan pergerakan anggota badan dan juga muka mahupun bahasa gerak geri badan yang lain. Birdwhistell (1970) mengatakan bahawa bahasa merupakan ilmu yang menggunakan isyarat untuk menggerakkan dan juga menyampaikan idea mahupun pendapat. Penggunaan bahasa juga membolehkan manusia untuk mengetahui sesuatu perkara mahupun sesuatu peristiwa walaupun peristiwa yang berlaku itu tanpa (*reproducing*), iaitu penghasilan semula.

Menurut Skinner (1957), bahasa ialah satu set perlakuan yang dibina secara beransur-ansur. Manusia tidak memerlukan mekanisma mental untuk menjana bahasa. Perkara yang perlu adalah pemerhatian yang sistematik tentang peristiwa dalam dunia luaran yang merangsang pertuturan untuk mengujarkan bunyi bahasa yang di dengar. Menurut Nor Hashimah (1999) umur tiga hingga lima tahun merupakan perkembangan bahasa yang amat ketara. Pada peringkat ini kanak-kanak akan mengalami perkembangan dari segi gaya interaksi, iaitu boleh menyatakan, menggambarkan, membincangkan, menjana idea dan juga menilai tindakan mereka.

Paralinguistik ataupun lebih dikenali sebagai bahasa badan atau bahasa bukan verbal merupakan refleksi luaran seseorang yang berkaitan dengan emosi mereka. Menurut Pease dan Pease (2004), setiap isyarat dan juga pergerakan tubuh badan yang dilakukan oleh seseorang merupakan kunci untuk mengenal pasti emosi yang dialami oleh seseorang individu pada masa itu. Kunci utama untuk memahami bahasa badan adalah dengan memahami jenis emosi yang dialami seseorang serta pada masa yang sama turut mendengar perkataan yang diucapkan.

Menurut Mahzan Arshad (2012), seseorang kanak-kanak yang normal pertumbuhannya akan mampu untuk menghasilkan bunyi bahasa dari usia seawal tiga bulan. Pada usia tersebut seseorang kanak-kanak dapat menghasilkan bunyi yang seakan-akan dapat difahami olehnya dan juga mereka yang berada disamping mereka, terutamanya ibu. Seorang kanak-kanak yang normal mampu menghasilkan komunikasi dengan orang disekelilingnya seawal usia kelahirannya lagi. Pada usia awal sebegini seorang bayi telah dapat menghasilkan bunyi yang seakan-akan dapat difahami dengan orang yang rapat dengannya, terutamanya si ibu atau penjaga. Komunikasi antara mereka dengan orang yang rapat boleh berlaku dalam pelbagai bentuk bunyi dan juga dengan menggunakan isyarat badan yang hanya dapat difahami oleh

mereka. Oleh itu kanak-kanak ataupun bayi secara semula jadinya akan dapat menguasai bahasa ibundanya tanpa perlu diajar, namun mereka hendaklah didedahkan dengan aktiviti berbahasa dan juga kerap melakukan komunikasi bersama untuk memperoleh sesuatu bahasa itu secara semula jadi.

SOROTAN KAJIAN

Menurut Safar dan Fatimah (1988), komunikasi yang dituturkan secara verbal dan juga paralinguistik, iaitu *non-verbal* haruslah dianggap sebagai salah satu unit yang saling membantu untuk melengkapi antara satu sama lain dan tidak akan terpisah. Hal ini kerana kedua-duanya sentiasa berkait rapat diantara satu sama dengan yang lain untuk melengkapi dalam penyampaian pesanan. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990), kontak mata dapat mempamerkan suatu perasaan yang gembira mahupun yang baik seperti gembira, sedih, dan sebagainya. Manakala emosi sedih mahupun negatif dapat diperlihatkan melalui kontak mata seperti malu, sambil lewa dan juga marah. Bayi akan menangis semasa dilahirkan dan mula tersenyum seawal usia lima minggu dan mula ketawa bermula dari empat atau lima bulan. Seorang kanak-kanak akan memahami bahawa dengan menangis dapat menarik perhatian seseorang, terutama ibu bapanya dan ketawa pula boleh membuatkan ibu atau bapa bersama-sama dengan mereka. Oleh itu, kontak mata merupakan salah satu elemen paralinguistik yang harus diperhatikan dalam komunikasi kanak-kanak terutamanya seawal proses pemerolehan bahasa kanak-kanak itu berlangsung.

Vijayaletchumy Subramaniam (2000) telah mengkaji tentang pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengenal pasti perkembangan pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu. Kajian ini memperlihatkan pemerolehan bahasa dalam kalangan kanak-kanak Melayu pada setiap peringkat usia. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian dari segi aspek pemerolehan dan juga kecekapan berbahasa dalam kalangan kanak-kanak. Dapatan yang diperolehi sepanjang pemerhatian tersebut adalah kanak-kanak yang sudah mampu menguasai aspek penting dalam pembelajaran Bahasa Melayu pada peringkat awal iaitu mampu menguasai tatabahasa pada peringkat dewasa dan juga peringkat kecekapan penuh berbahasa. Manakala pada peringkat awal pemerolehan bahasa kanak-kanak yang melibatkan kanak-kanak berusia 5 bulan sehingga 5 tahun, didapati kanak-kanak tersebut telah dapat mengujarkan peraturan bahasa dalam Bahasa Melayu dengan begitu mudah. Hal ini menunjukkan bahawa kecekapan kanak-kanak dalam menguasai kata nama berdasarkan perkataan yang selalu mereka gunakan di rumah. Kanak-kanak hanya akan dapat menggunakan kata-kata yang mudah difahami dan juga ketara pada pemerhatian mereka. Pemerolehan kata nama seseorang kanak-kanak tidak akan berlaku secara sewenang-wenangnya. Oleh itu ia seharusnya turut dikaji dari aspek bahasa badan juga kerana sebelum berlakunya pemerolehan bahasa kanak-kanak, mereka banyak menggunakan bantuan bahasa badan untuk berkomunikasi dengan individu yang berada disekelilingnya.

Noor Azmira Mohammad (2001) telah mengkaji tentang pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak. Kajian yang telah dijalankan adalah untuk menilai tahap pemerolehan dan juga penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak yang berusia antara 2.6 dan 3.7 tahun. Kajian yang dijalankan ini berdasarkan analisis am, sintaksis dan juga semantik Bahasa Melayu. Responden kajian merupakan dua orang kanak-kanak Melayu yang mempunyai latar belakang bahasa yang sama dan dilahirkan di Kelantan. Oleh itu, analisis yang dijalankan untuk melihat tahap pemerolehan dan juga penguasaan bahasa dalam kalangan mereka juga perlulah dilakukan berdasarkan aspek yang terkandung dalam Bahasa Melayu. Aspek yang dipilih oleh pengkaji dalam melakukan analisis terhadap 50 data ujaran yang dibuat oleh kanak-kanak adalah untuk melihat tahap pemerolehan dan juga penguasaan bahasa dalam kalangan mereka berdasarkan aspek semantik, sintaksis dan juga analisis am sahaja. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap pemerolehan dan penguasaan bahasa dalam kalangan kanak-kanak yang berusia 2.6 dan 3.7 tahun masih belum sempurna sepenuhnya. Walaubagaimanapun, kanak-kanak itu telah mengalami proses pemerolehan dan juga penguasaan bahasa yang amat memberangsangkan. Secara keseluruhannya kajian ini hanya membincangkan tentang pemerolehan bahasa kanak-kanak namun tidak mengaitkan paralinguistik yang berkait rapat dengan proses pemerolehan bahasa itu berlaku.

Puteri Roslina Abd Wahid (2008) dalam kajiannya tentang Bahasa Reseptif dan Bahasa Ekspresif dalam komunikasi verbal yang menfokuskan kepada pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan kanak-kanak *sindrom down* menghuraikan pemerolehan bahasa verbal, iaitu bahasa lisan dalam kalangan kanak-

kanak *sindrom down*. Terdapat dua jenis pemerolehan bahasa verbal dalam kalangan kanak-kanak *sindrom down*, iaitu pertama, menggunakan kata iaitu (bahasa ekspresif) dan kedua, memahami kata (bahasa reseptif). Kajian telah memperlihatkan bahawa kanak-kanak *sindrom down* merupakan pelajar visual (lihat) daripada pelajar auditori (dengar). Oleh itu tahap penguasaan bahasa verbal yang baik akan mengambil masa yang panjang berbanding dengan penguasaan bahasa kanak-kanak normal. Oleh itu kajian ini, hanya menumpukan kepada pemerolehan bahasa verbal kanak-kanak *sindrom down* dan tidak mengaitkan dengan unsur paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak tersebut.

Radiyah Yusoff, Nor'Aini Ismail dan Norazilah Buhari (2009) dalam kajiannya tentang Penggunaan Video Muzik dalam Pengajaran Bahasa Bukan Verbal mendapati terdapat pelbagai bahan autentik yang telah digunakan oleh pengkaji sebagai alat bantuan mengajar untuk membantu para pelajar dalam memahami topik yang diajar. Salah satu contoh bahan autentik yang digunakan oleh pengkaji ialah video muzik. Kajian mendapati bahawa video muzik bukanlah satu-satunya contoh bahan autentik untuk pengajaran dan juga pembelajaran bahasa bukan verbal, begitu juga dengan cara ia digunakan. Hal ini kerana terdapat banyak bahan autentik dan bahan pembelajaran lain yang masih boleh difikirkan oleh seseorang pengajar. Secara kesimpulannya, kajian ini hanya menfokuskan alat bantuan untuk pembelajaran bahasa bukan verbal dengan menggunakan video muzik sahaja namun masih banyak lagi alat bantuan mengajar bahasa bukan verbal yang boleh digunakan seperti *flash card* dan sebagainya.

Hasuria Che Omar dan Mashudi Kader (2009) dalam kajiannya Penterjemahan Parabahasa dalam Teks Audiovisual mendapati bahawa istilah parabahasa mula diperkenalkan dan dikaji oleh Smith dan Trager (1948), yang pada awalnya telah membezakan data paralinguistik dengan data yang perlu dimasukkan dalam kategori bahasa. Kajian ini membincangkan elemen parabahasa dalam media audiovisual khususnya dalam sari kata program televisyen berdasarkan pengkategorian yang dibuat oleh Poyatos (1993) dan Nord (1997). Perbincangan ini berkisarkan persoalan sama ada unsur bukan verbal, iaitu parabahasa dapat ditangani dalam penterjemahan ataupun tidak dan aspek mesej yang terjejas apabila sesuatu penterjemahan dilakukan. Perbincangan kajian ini dibuat mengikut tajuk kecil seperti nada, kualiti suara, tempo, cara pertuturan dan onomatopia secara keseluruhannya. Kajian ini mendapati bahawa walaupun pada kebiasaannya unsur bukan verbal dikatakan tidak begitu penting sebagai penggunaan makna dalam mana-mana wacana bertulis atau lisan, namun ia juga berupaya memberikan kesan yang agak ketara dalam pertuturan dan terhadap mesej yang ingin disampaikan dalam komunikasi tersebut. Oleh itu kajian ini telah memperlihatkan betapa pentingnya kehadiran unsur paralinguistik terhadap sesuatu komunikasi terutamanya dalam kajian ini yang menfokuskan kepada golongan kanak-kanak yang sedang melalui proses pemerolehan bahasa kerana pemerolehan bahasa yang masih lagi belum lengkap sepenuhnya mendorong mereka untuk menggunakan bahasa badan yang lain untuk berkomunikasi antara satu sama lain.

Menurut Pease dan Pease (2004), paralinguistik ataupun lebih dikenali sebagai bahasa badan atau bahasa bukan verbal merupakan refleksi luaran seseorang yang berkaitan dengan emosi mereka. Setiap isyarat dan juga pergerakan tubuh badan yang dilakukan oleh seseorang merupakan kunci untuk mengenali pasti emosi yang dialami oleh seseorang individu pada masa itu. Kunci utama untuk memahami bahasa badan adalah dengan memahami jenis emosi yang dialami seseorang serta pada masa yang sama turut mendengar perkataan yang diucapkan. Kebanyakan asas bahasa badan iaitu paralinguistik didapati sama bentuknya di seluruh dunia. Bayi menggunakan isyarat badan apabila sudah kenyang menyusu dan akan menolak puting ibunya dengan menggelengkan kepala ke kiri dan ke kanan. Kanak-kanak juga turut menggunakan bahasa badan ini untuk menolak makanan yang disuap oleh ibu mereka. Dengan cara ini, kanak-kanak mempelajari teknik menggelengkan kepala untuk menunjukkan isyarat penolakan, isyarat tidak bersetuju dan juga memaparkan sikap yang negatif.

Pease dan Pease (2004) telah mengupas perihal cabang ilmu bahasa badan dan juga kesan penggunaan isyarat bahasa badan dalam situasi kehidupan seharian. Bahasa badan ialah sebahagian daripada komunikasi bukan lisan yang boleh menyalurkan maklumat, akal fikiran dan juga perasaan yang sedang dialami oleh seseorang. Chomsky (1965) menyatakan bahawa komunikasi bukan lisan dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu, komunikasi yang dapat diungkapkan dan dizahirkan melalui pakaian yang dipakai setiap hari dan setiap kategori benda lainnya atau *Object Language*. Yang kedua, kesemua bentuk komunikasi yang perlu digantikan dengan pergerakan dikenali sebagai bahasa isyarat dan yang ketiga ialah komunikasi berserta dengan tindakan atau gerakan tubuh yang dikenali sebagai *Action Language*. Dengan

memadankan ketiga-tiga kategori ini dalam konteks situasi yang berlaku, ia mampu menghasilkan rumusan yang tepat mengenai perasaan dan juga fikiran pelaku. Akhirnya, ia dapat memberikan tindak balas yang bersesuaian untuk memperoleh kesan yang diinginkan. Pengkaji menjadikan cabang ilmu ini sebagai garis panduan untuk tidak lagi berhadapan dengan suasana kekok apabila menerima sesuatu kesan daripada kecuaiannya seseorang dalam menganalisis berdasarkan komunikasi semata-mata.

Menurut Schuller dan Batliner (2013) paralinguistik merupakan disiplin yang berkaitan dengan fenomena yang bersesuaian dengan makna yang terdapat dalam sesuatu penyampaian. Disiplin yang dikaitkan dengan fenomena ini merupakan vokal dan bahasa bukan lisan atau dalam linguistik, iaitu konokasi satu unit atau beberapa unit. Sebagai contoh apabila ada seseorang berdehem, ia bukanlah merupakan aktiviti bahasa tetapi mempunyai makna yang tersirat apabila seseorang itu melakukannya. Paralinguistik merupakan bahasa bukan lisan dan ia melibatkan vokal, iaitu bunyi suara. Namun terdapat percanggahan pendapat tentang paralinguistik, iaitu ada yang menyatakan bahawa paralinguistik hanya melibatkan fungsi suprasegmenta serta ada yang berpendapat ianya berkaitan dengan gabungan vokal dan juga bahasa bukan lisan atau linguistik, iaitu konokasi sementara ada yang menyatakan paralinguistik melibatkan pergerakan bahasa badan.

Trask (1996) menyatakan bahawa paralinguistik bukan merupakan segmental. Segmental mempunyai ciri suara yang lantang seperti nada, tempo, mengeluh dan menjerit. Secara umumnya hal yang dinyatakan ini bukanlah isyarat, kedudukan badan dan ekspresi semua perilaku bukan linguistik yang dikodkan untuk menyumbang kepada kesan komunikatif keseluruhan. Hal ini menjelaskan bahawa paralinguistik melibatkan kelantangan nada dikeluarkan oleh penutur, iaitu penggunaan suara dan vokalisasi. Hal ini secara tidak langsung memperlihatkan bahawa paralinguistik dapat menunjukkan cara seseorang menunjukkan emosi dan sikapnya dalam menyampaikan sesuatu ujaran.

Esser (2006) mengatakan bahawa maklumat bukan lisan telah menarik minat khusus dalam kajian komunikasi secara bersemuka. Ketika berkomunikasi, ciri prosodi dan paralinguistik memainkan peranan masing-masing bagi melancarkan lagi proses penyampaian ujaran kepada umum. Prosodi merujuk kepada sistem tanda dan intonasi dan perkataan, iaitu bentuk ucapan yang mempunyai kaitan yang rapat dengan ciri paralinguistik. Kedua-dua ciri ini dinyatakan melalui saluran akustik dan saluran visual. Dalam sesuatu situasi, ciri prosodi, iaitu vokal sentiasa kekal atau berlaku peralihan daripada orang yang terlibat dalam komunikasi, iaitu kualiti suara atau keseronokan. Paralinguistik pula merujuk kepada air muka, iaitu mimik muka, gerakan isyarat atau bahasa badan yang berlaku secara semulajadi atau tanpa disedari oleh penuturnya. Tanda-tanda paralinguistik juga boleh dinyatakan dalam pelbagai jenis bahan grafik dan salah satunya adalah melalui saluran visual. Secara keseluruhannya, paralinguistik tidak melibatkan bahasa pertuturan, iaitu linguistik. Hal ini dikaitkan dengan penggunaan ciri prosodi, iaitu penggunaan nada, intonasi, kelantangan suara, bunyi keluhan, dan sebagainya. Manakala ciri paralinguistik pula melibatkan penggunaan bahasa badan atau gerak geri badan seperti mengangkat tangan, mimik muka, dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji berminat untuk mengkaji tentang paralinguistik oleh sebab sifat manusia yang saling melengkapi antara sifat luaran dan dalaman manusia terutamanya kanak-kanak yang melibatkan pemikiran, tindakan dan juga emosi. Istilah paralinguistik digunakan untuk merujuk bahasa badan iaitu bahasa gerak geri yang disifatkan sebagai tindakan luar kawalan yang berlaku dalam keadaan sedar. Bahasa gerak geri voluntary pula merupakan aktiviti psikologi yang bertindak merujuk kepada pergerakan yang dibuat seperti senyum, melambai tangan dan sebagainya. Manakala air muka seseorang dapat membuatkan seseorang itu memahami perasaan penutur ketika sedang berkomunikasi.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kualitatif tentang paralinguistik dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak dengan berbantuan kad imbas. Kajian ini melibatkan kaedah tinjauan lapangan. Kaedah ini dipilih dengan tujuan untuk mengenal pasti tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak seiring dengan paralinguistik yang digunakan semasa proses pemerolehan bahasa berlaku. Selain itu juga pengkaji telah menjalankan kajian ini dengan berpandukan kepada teori perkembangan kognitif yang telah dikemukakan oleh Piaget (1936). Menurut beliau, kognitif adalah sebahagian daripada kognisi, iaitu merupakan aktiviti ataupun proses dalam mendapatkan ilmu secara taakulan atau pemikiran yang diterima melalui deria. Oleh itu,

perkembangan kognitif kanak-kanak sangat berkait rapat dengan perkembangan otaknya serta interaksi sosial seseorang kanak-kanak khususnya semasa bergaul dengan rakan sebaya yang lebih berpengalaman dan juga lebih dewasa.

Selain itu juga penyelidik turut menggunakan kerangka Teori Paralinguistik yang telah diperkenalkan Bloch dan Trager (1942). Teori ini menjelaskan bahawa paralinguistik merupakan kajian tentang penggunaan suara atau vokalisasi, iaitu memperbesar dan mengecilkan suara. Beliau juga mengatakan bahawa paralinguistik menjadi batasan antara interaksi verbal dan juga non verbal. Terdapat empat bentuk paralinguistik yang dinyatakan oleh Bloch dan Trager (1942) iaitu:

- 1) Kualiti suara, iaitu penggunaan nada tinggi atau rendah
- 2) Kualiti dari tekanan, iaitu penggunaan irama tertentu seperti (keras, lembut, serius dan juga santai)
- 3) Ciri vocal, iaitu penggunaan bunyi suara seperti ketawa, menangis, menjerit, menguap, mengeluh dan sebagainya
- 4) Pembatasan vocal, iaitu penggunaan ragam dalam setiap kata
- 5) Pemisahan vokalm iaitu penggunaan irama yang mempunyai kontribusi tahap pembicaraan

Bloch dan Trager (1942) hanya memfokuskan tentang ciri paralinguistik dengan menekankan penggunaan suara dan vokalisasi sahaja. Namun kehadiran ciri paralinguistik yang ditekankan juga turut hadir bersama-sama dengan ciri paralinguistik lain dan turut membantu melancarkan proses komunikasi. Oleh itu ciri paralinguistik telah menjadi batasan antara interaksi lisan dan juga interaksi bukan lisan. Di dalam kajian ini penyelidik menggunakan beberapa ciri paralinguistik yang telah dikemukakan oleh Trager seperti kualiti suara dan juga ciri vokal serta beberapa ciri paralinguistik yang lain seperti anggota badan dan ekspresi wajah. Penyelidik telah memilih Taska Universal Pintar sebagai tempat untuk menjalankan kajian. Tempat ini dipilih kerana ia merupakan taman asuhan dan juga taska yang agak terkenal di Serdang dan kedudukannya yang strategik, iaitu di kawasan perumahan dan berdekatan dengan sekolah di Serdang. Selain itu, penyelidik juga dapat memilih sampel kajian yang bertepatan dengan kajian disebabkan kanak-kanak yang berada di pusat asuhan itu adalah dalam lingkungan umur 1 hingga 5 tahun dan sedang melalui proses pemerolehan bahasa yang kritikal. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk menentukan sampel kajian yang dipilih bertepatan dengan kajian ini.

Sampel dalam sesebuah kajian amatlah penting kerana dapat membantu penyelidik mendapatkan data yang tepat. Populasi sasaran kajian ini dimanipulasi secara intensif, iaitu seramai 10 orang kanak-kanak dari Taska Universal Pintar terlibat dalam kajian ini. Hal ini bertepatan pendapat yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (1970) yang telah membuat pengiraan dan menyenaraikan saiz sampel yang sesuai iaitu dengan saiz populasi 10 adalah berpadanan dengan saiz sample 10. Keseluruhan sampel kajian diambil daripada sebuah kelas yang menempatkan kanak-kanak yang berusia antara 1 hingga 5 tahun. Sampel kajian ini terdiri daripada sepuluh orang kanak-kanak yang terdiri daripada 7 orang kanak-kanak perempuan dan 3 orang kanak-kanak lelaki yang terdiri daripada bangsa Melayu, India dan Cina.

Pengkaji menggunakan kad imbas untuk menarik minat kanak-kanak di pusat asuhan untuk berkomunikasi semasa sesi pembelajaran berlangsung iaitu dua jam tiga kali seminggu selama sebulan. Sebanyak tiga set kad imbas digunakan semasa sesi pembelajaran berlangsung. Kad imbas yang digunakan semasa berlangsung proses pembelajaran terdiri daripada kad imbas mengenal abjad dan angka, mengenal haiwan peliharaan, dan juga anggota badan manusia. Pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak mudah tertarik dengan kad imbas kerana kad yang digunakan bersesuaian untuk tahap pemerolehan bahasa mereka. Menurut Zaitul Azma dan Normaliza (2007: 96), penggunaan gambar merupakan alat bantu mengajar yang mampu menarik minat individu selain dapat memberikan pengetahuan baharu yang merangkumi aspek bahasa seseorang individu. Oleh itu, pengkaji telah menggunakan kad imbas yang menarik dengan grafik yang sangat sesuai untuk pembelajaran kanak-kanak yang sedang melalui proses pemerolehan bahasa yang kritikal. Dr Glenn Doman (Doman & Doman, 1956) merupakan seorang pengasas *Institut for the Achievement of Human Potential* yang telah memperkenalkan kad imbas untuk memberi rangsangan dan juga mengajar kanak-kanak dari seawal usia mereka kecil lagi untuk membaca dan juga untuk mengenal gambar yang ditunjukkan sebagai cebisan intelek.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahasa bukan sahaja sebarang perkataan yang diujarkan tetapi juga merangkumi bahasa tubuh dan juga pergerakan yang boleh menyampaikan mesej yang tertentu. Namun jeritan dan tangisan bayi, salakan anjing dan juga bunyi yang dikeluarkan secara tidak sengaja yang dapat menarik perhatian manusia seperti batuk dan berdehem tidak semestinya tergolong dalam kelompok bahasa (Mat Nor & Abdul Rashid, 2010).

Dapatan kajian yang diperolehi adalah untuk mengenal pasti hubungan antara paralinguistik yang kerap digunakan oleh kanak-kanak dengan perkembangan pemerolehan bahasa mereka. Pengkaji akan menganalisis data kajian yang telah ditranskripsikan iaitu perbualan kanak-kanak yang dirakam kepada bentuk tulisan untuk memudahkan proses penganalisisan data. Penyelidik menggunakan sebanyak 3 set kad imbas untuk menarik minat kanak-kanak disamping merangsang paralinguistik dan selaras dengan pemerolehan bahasa mereka. Hasil daripada transkripsi video temubual sampel kajian, pengkaji mendapati bahawa wujudnya hubungan antara paralinguistik dengan pemerolehan bahasa kanak-kanak. Aktiviti ini adalah untuk membolehkan kanak-kanak menyebut abjad dan perkataan dengan jelas. Pengkaji juga turut membantu mereka sekiranya mereka tidak pandai menyebut atau menuturkan sesuatu abjad atau sesuatu perkataan dengan betul.

4.1 Kualiti Suara

Penggunaan nada suara yang rendah merupakan salah satu intonasi suara yang sering digunapakai oleh manusia. Hal ini bertujuan untuk melancarkan sesuatu komunikasi dan juga memudahkan penyampaian dan juga maksud kepada seseorang. Tambahan lagi, nada yang digunakan oleh seseorang lazimnya mencerminkan emosi dan sikap ketika ujaran dilakukan.

Contoh 1

- P: Tupai warna apa?
S1: Kolet (coklat)
P: Ni apa? (sambil menunjukkan gambar arnab)
S1: (mengelengkan kepala).
P: Oklah kita lihat gambar lain pulak. Ni apa?
S1: Ikan (sambil senyum)
P: Betul! Pandainya (memuji)

Dalam dapatan kajian yang pertama, subjek 1 menggunakan bahasanya untuk menyebut nama haiwan dan anggota badan sama ada dengan mengaitkan pengalaman hidup di dalam dunianya mahupun dengan mengagak-agak apa yang ditunjukkan oleh pengkaji. Berdasarkan perbualan pengkaji dengan subjek 1 di atas, subjek 1 sedang melalui proses pemerolehan bahasa yang normal bagi kanak-kanak yang berumur 2 tahun. Namun terdapat sesetengah perkataan yang belum dapat disebut oleh kerana perbendaharaan kata kanak-kanak di awal usia ini masih lagi terhad. Menurut Asmah Haji Omar (1985), peringkat awal pertumbuhan bahasa kanak-kanak biasanya hanya melahirkan bahasa yang ringkas, iaitu yang hanya mengandungi isi dan tidak wujud sebarang kata tugas.

Subjek 1 juga ada menerapkan ciri paralinguistik semasa menjawab soalan yang diajukan oleh pengkaji, iaitu kualiti suara subjek 1 sedikit mendatar dan juga sukar untuk didengar oleh pengkaji. Hal ini menunjukkan bahawa subjek belum lagi dapat menyesuaikan diri dengan pengkaji kerana pada pemerhatian yang dibuat subjek 1 merupakan seorang kanak-kanak yang lasak dan juga aktif. Sewaktu diajukan soalan subjek 1 juga turut menggelengkan kepalanya apabila ditanya tentang gambar yang ditunjukkan oleh pengkaji. Hal ini menandakan bahawa subjek 1 tidak tahu untuk menyebut nama binatang yang ditunjukkan oleh pengkaji. Menurut Pease dan Pease (2004), bahasa badan ialah refeksi luaran seseorang yang berkaitan dengan situasi emosi mereka. Setiap isyarat dan pergerakan tubuh yang dilakukan ialah kunci dalam mengenali jenis emosi yang dialami oleh seseorang pada waktu itu. Subjek 1 juga turut menampakkan ciri paralinguistik sewaktu menjawab soalan pengkaji dengan betul tentang gambar yang

ditunjukkan dengan membalas senyuman. Hal ini menampakkan emosi kegembiraan subjek 1 apabila dapat menjawab soalan pengkaji dengan betul.

Contoh 2

P: Ni apa? (sambil menunjukkan gambar hidung)

S1: Idung! (sambil menyentuh hidung)

P: Mana telinga?

S1: Linga (telinga) (sambil memegang dan memulas-mulas telinga)

Berdasarkan perbualan pengkaji dengan subjek petama, pengkaji mendapati bahawa subjek 1 menggunakan kualiti suara dengan penggunaan nada yang tinggi sewaktu menjawab pertanyaan pengkaji dan disertai dengan tindak balasnya menyentuh hidung. Hal ini menunjukkan bahawa subjek 1 sudah mengetahui apa yang ditunjukkan oleh pengkaji dan dengan yakin menjawab serta menunjukkan hidungnya. Menurut Bloch dan Trager (1942) paralinguistik membantu, sesuatu komunikasi dapat berjalan dengan baik, iaitu paralinguistik dapat menjadi penunjuk bukan verbal untuk memudahkan pentafsiran makna kepada pendengar. Dari segi pemerolehan bahasa subjek pertama dilihat sebagai seorang kanak-kanak yang aktif dan juga banyak bercakap. Perbendaharaan bahasa yang dikuasai oleh subjek 1 seiring dengan perkembangan usia dan juga fizikalnya.

4.2 Vokal

Penggunaan vokal yang tinggi seperti menjerit menjelaskan emosi seseorang kanak-kanak yang sedang dalam kemarahan atau meninginkan sesuatu namun terhalang oleh sesuatu perkara. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak akan gemar untuk menjerit supaya emosi kemarahan yang sedang dialami olehnya dapat diluahkan.

Contoh 1

S1: Apa ni!!! (sambil menjerit dan menghentak kaki kepada kawanya).

P: Jangan buat kawan macam tu, tak baik.

Berdasarkan pemerhatian penyelidik terhadap subjek 1, kanak –kanak ini lebih gemar menggunakan nada suara yang agak tinggi apabila berkomunikasi sama ada bersama rakan sebaya, guru dan juga penyelidik sendiri. Selain penggunaan vokal seperti menjerit kepada rakannya pengkaji juga dapat mengetahui ciri emosi yang sedang dialami oleh kanak-kanak tersebut iaitu subjek 1 sedang merasa marah kerana penggunaan vokal suara yang tinggi serta menunjukkan ciri emosi tidak puas hati, marah, dan kecewa. Hal ini kerana seorang kanak-kanak akan menjerit apabila mereka berasa tidak berpuas hati atau ingin marah. Hal ini kerana situasi yang telah dirakamkan oleh pengkaji menunjukkan bahawa kanak-kanak ini sedang berebut kad imbas yang telah pengkaji agihkan kepada beberapa orang kanak-kanak yang lain. Disamping itu juga, kanak-kanak ini turut menggunakan anggota badan yang lain seperti menghentakkan kaki tanda kemarahannya, ini menunjukkan bahawa anggota badan yang lain juga turut sama memainkan peranan apabila terjadinya komunikasi tanpa kita sedari. Menurut Trager (1958), nada atau intonasi suara yang tinggi atau rendah memperlihatkan cara pertuturan yang ingin disampaikan, serta emosi penutur juga turut membantu sewaktu proses komunikasi dua hala untuk berlaku secara berkesan. Daripada transkripsi perbualan pengkaji dengan subjek 1, pengkaji mendapati bahawa subjek 1 menggunakan ciri paralinguistik, iaitu vokal yang tinggi dengan menjerit serta menghentakkan kaki kepada kawannya dengan menunjukkan emosi sedang marah dan tidak ingin diganggu.

Contoh 2

P: Ok, perut?

S2: Ni. (sambil memegang perut dengan kedua-dua belah tangan).

S2: Eh, eh, eh! (menjerit dengan kuat)

Seterusnya subjek 2 menggunakan ciri vokal seperti menjerit dengan kuat sambil kedua-dua tanganya memegang perut. Hal ini menunjukkan bahawa emosi kanak-kanak yang berkemungkinan sedang dalam menahan kesakitan atau tidak mahu pengkaji melihat perutnya. Pengkaji mendapati bahawa kanak-kanak ini sering menggunakan nada suara yang berbeza-beza apabila berkomunikasi dengan pengkaji. Selain itu juga, penggunaan bahasa badan apabila berkomunikasi turut sama-sama hadir secara tidak sengaja. Menurut Nik Safiah Karim (1996), intonasi merupakan turun naik nada suara yang hadir apabila seseorang sedang berkomunikasi. Dalam percakapan seseorang, nada suara jarang diujarkan secara mendatar sahaja sebaliknya ia berbeza-beza, iaitu nada suara yang tinggi dan juga nada suara yang rendah. Hal ini kerana salah satu daripada ciri utama dalam pertuturan manusia ialah sifat dan juga perbezaan nada suara yang sering kali berubah-ubah, iaitu yang menerangkan maksud ujaran tersebut. Penggunaan intonasi suara dikatakan tergolong dalam golongan paralinguistik. Menurut Barker (1982), paralinguistik merupakan cara seseorang untuk menuturkan sesuatu ujaran. Hal ini kerana tekanan atau penggunaan nada sama ada tinggi atau rendah melibatkan keperibadian dan emosi penutur pada waktu itu. Paralinguistik juga mencakupi bidang vokalisasi manusia sama ada ketika marah, sedih, berbisik, mengantuk, dan sebagainya. Justeru itu, dalam setiap ujaran yang dilakukan dapat memperlihatkan penggunaan nada tinggi dan rendah untuk menyampaikan maksud sesuatu ujaran yang tertentu.

4.3 Anggota Badan

Komunikasi seseorang kanak-kanak akan hadir bersama-sama dengan tindakan atau pun gerak balas bahasa badan yang tidak dapat dinafikan lagi. Menurut Pease dan Pease (2004), bahasa badan ini bergantung kepada komponen isyarat yang dilakukan pada masa yang sama, ia sama seperti bahasa pertuturan yang biasa kita dengar, malahan bahasa badan juga mempunyai perkataan, ayat dan sebutannya yang tersendiri. Setiap isyarat bahasa badan umpama sebuah perkataan yang memiliki pelbagai maksud.

Contoh 1

P: Okey yang ni pulak? (sambil menunjukkan gambar kuda belang)

S1: Kuda elang (kuda belang).

P: Kuda belang warna apa?

S1: (diam dan hanya mengangkat lutut)

P: warna kuda belang hitam dan putih.

Daripada perbualan pengkaji dan juga subjek 1 diatas dapat dilihat bahawa pemerolehan bahasa subjek 1 telah dikuasai dengan baik, namun ada sesetengah perkataan yang belum mampu untuk dijawab olehnya. Berdasarkan perbualan pengkaji dengan subjek 1, pengkaji mendapati bahawa hampir kesemua kad imbas yang ditunjukkan dapat diteka dengan jawapan yang tepat oleh subjek 1, namun apabila pengkaji bertanyakan warna kuda belang, subjek 1 hanya diam dan secara tidak sengaja kanak-kanak tersebut hanya mengangkat kedua-dua lututnya. Hal ini membolehkan pengkaji menjangkakan bahawa subjek 1 tidak dapat menjawab persoalan yang ditanya oleh pengkaji tentang warna kuda belang. Tindakannya yang mengangkat kedua-dua lutut telah memberikan andaian kepada pengkaji bahawa subjek 1 tidak tahu warna apa yang ada pada seekor kuda belang.

Dalam perbualan pengkaji bersama dengan subjek 1, pengkaji mendapati bahawa subjek 1 belum dapat menggunakan bahasanya secara meluas kerana tahap perkembangan bahasanya yang masih lagi terbatas kerana tidak semua gambar, warna yang ditunjukkan oleh pengkaji dapat dijawab dengan betul dan jelas. Subjek 1 juga turut berdiam diri dan hanya mengangkat lutut seolah-olah menyatakan bahawa dirinya tidak tahu tentang perkara yang perlu dijawab. Menurut Pease dan Pease (2004), selain isyarat mengangkat menggunakan anggota badan yang lain yang mewakili tanda tidak tahu, isyarat mengangkat bahu ialah salah satu contoh isyarat bahasa badan yang bersifat universal. Isyarat ini bermaksud “tidak tahu” atau “tidak faham” pada apa yang sedang diperkatakan. Bahasa badan ini ialah hasil gabungan tiga isyarat lain iaitu, tapak tangan yang terbuka untuk menunjukkan bahawa tiada apa yang disembunyikan pada tangannya, bahu diangkat untuk melindungi bahagian kerongkong daripada diserang, dan kedua-dua

kening dinaikan. Tingkah laku ini juga adalah satu isyarat yang universal yang membawa maksud isyarat submisif.

Contoh 2

P: Leher amsyar mana?

S1: Ni, ni (sambil menunjukkan ketiak)

P: Itu ketiak la amsyar

S1: Tiak (ketiak) (sambil mengulang semula sebutan pengkaji)

Daripada perbualan pengkaji dengan subjek 1 diatas. Didapati bahawa subjek 1 tidak dapat membezakan antara leher dengan juga ketiak. Pengkaji mendapati bahawa subjek sedikit ragu-ragu apabila menunjukkan ketiaknya sewaktu diajukan soalan tentang gambar kad imbas yang menunjukkan anggota badan, iaitu leher. Subjek juga hanya menjawab dengan menunjukkan tangan dibahagian ketiak untuk menjawab pertanyaan pengkaji. Namun, setelah dibetulkan oleh pengkaji, subjek 1 kembali menyebut tempat yang ditunjukkan olehnya ialah ketiak dan bukannya leher seperti yang diteka olehnya.

Menurut Mohd Amin H. A. Shariff (1994), perubahan daripada komunikasi tanpa bahasa kepada komunikasi berbahasa akan terjadi apabila kanak-kanak itu dapat menyampaikan hajatnya dengan mengeluarkan kata yang sesuai dan bermakna. Ini dapat berlaku dalam kalangan kanak-kanak yang berusia setahun ke atas. Pendedahan kepada suasana sekeliling yang memberi rangsangan yang baik dapat menolong perkembangan pemerolehan bahasa yang lengkap dengan lebih cepat.

4.4 Ekspresi Wajah

Ekspresi wajah atau mimik muka seseorang dapat memperlihatkan emosi dan juga perasaan mereka. Seseorang kanak-kanak akan lebih menggunakan ekspresi wajah atau mimik muka seperti mencebikkan mulutnya apabila diajak untuk bermain bersama-sama dengan individu yang baru dikenalnya. Hal ini menunjukkan bahawa tanda penolakan seseorang kanak-kanak tersebut dengan membuat ekspresi wajah seperti mencebikkan mulutnya atas ajakan individu yang baru dikenali. Selain itu, kanak-kanak juga mudah tersenyum dan juga tersengih apabila melihat sesuatu yang mencuit emosi dan perasaan mereka.

Contoh 1

P: Yang ini pulak apa? (sambil menunjukkan gambar ayam belanda)

S1: Yam (ayam) (sambil tersengih)

P: Ini ayam belanda

S1: Yam landa (ayam belanda)

Dalam perbualan pengkaji bersama dengan subjek 1, subjek telah menunjukkan aspek paralinguistik yang merujuk kepada emosi gembira menggunakan bahasa badannya, iaitu ekspresi wajah dengan tersengih. Dalam perkembangan pemerolehan bahasa pula pengkaji mendapati bahawa kebanyakan respons yang diberikan oleh subjek 1 ialah perkataan yang disebut hanya pada suku kata terakhir sesuatu perkataan contohnya dalam perbualan di atas subjek pertama hanya menjawab “yam” untuk jawapan “ayam” dan “yam landa” untuk “ayam belanda”. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan perbendaharaan kata yang belum lagi lengkap namun pemerolehan bahasa yang dilihat dapat diperoleh dengan cepat.

Muhammad Safuan Mat Salleh (2011), mengatakan bahawa aspek paralinguistik merujuk kepada emosi penutur yang mencakupi bahasa badan, iaitu mimik muka ataupun ekspresi wajah, pergerakan anggota tubuh badan serta kualiti suara. Hal ini kerana penggunaan paralinguistik dapat menjelaskan dan memberikan maklumat yang dirujuk kerana sesuatu ujaran tidak selari dengan makna dan tujuan yang sebenar. Dalam pengkajian bidang paralinguistik, manusia mampu untuk memahami ujaran dan keperibadian seseorang berdasarkan pertunjuk paralinguistik.

Contoh 2

P: Ni apa? (sambil menunjukkan gambar seekor arnab)

S1: (mencebikkan mulutnya dan mengelengkan kepala)

P: Ini arnab, cuba sebut.

S1: Nab (arnab)

Berdasarkan perbualan diatas, subjek 1 mempamerkan ekspresi wajah atau pun mimik muka seperti mencebikkan mulutnya iaitu bibirnya sambil mengelengkan kepala apabila di tanya oleh pengkaji. Hal ini menunjukkan bahawa subjek 1 tidak dapat menjawab apa yang ditanya oleh pengkaji. Perbuatannya yang mencebikkan mulut serta diikuti dengan tindakan menggelengkan kepala membolehkan pengkaji mengetahui bahawa subjek 1 tidak dapat menjawab soalan yang ditanya. Namun, apabila pengkaji menyuruh subjek 1 untuk mengulang semula apa yang disebut, subjek 1 dapat menyebutnya dengan betul walaupun hanya menyebut pada suku kata terakhir perkataan sahaja, iaitu “nab” yang mewakili haiwan iaitu “arnab”.

Seseorang kanak-kanak lebih cenderung untuk menggunakan bahasa badan apabila tidak dapat menjawab soalan ataupun apabila tidak tahu untuk menyatakan sesuatu. Hal ini jelas dapat dilihat oleh pengkaji kerana apabila sesuatu soalan yang diajukan oleh pengkaji tidak dapat dijawab, kanak-kanak tersebut secara spontan akan turut bertindak balas dengan menggunakan bahasa badan yang lain bagi menyampaikan mesej yang menyatakan bahawa mereka tidak dapat menjawab persoalan yang diajukan oleh pengkaji. Selain itu juga ekspresi muka seseorang kanak-kanak dapat menyampaikan emosi yang sedang dialami oleh dirinya. Seperti subjek 1 yang kelihatan diam dan terus mempamerkan bahasa badan membolehkan pengkaji untuk menjangkakan emosi kanak-kanak tersebut yang sedikit kurang gembira kerana tidak dapat menjawab pertanyaan pengkaji. Namun setelah pengkaji membantunya untuk menyebut nama haiwan berdasarkan gambar yang ditunjukkan oleh pengkaji, subjek 1 kelihatan seperti tenang dan kembali bersemangat.

KESIMPULAN

Berdasarkan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, penyelidik dapat merumuskan bahawa tahap pemerolehan bahasa kanak-kanak ini masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Penyelidik juga mendapati bahawa dengan adanya alat bantuan mengajar seperti kad imbas, ianya dapat membantu meningkatkan tahap perkembangan bahasa kanak-kanak. Walaupun pada awal usia, kanak-kanak hanya mempunyai bilangan kosa kata yang terhad dengan bantuan bahasa badan ianya dapat membantu mereka untuk berinteraksi disamping meningkatkan lagi kemahiran untuk berbahasa dengan lebih baik. Kajian ini merupakan salah satu kajian yang menarik untuk dikaji kerana salah satu kebolehan asas yang seiring dengan kebolehan fizikal pada perkembangan kanak-kanak ialah kebolehan untuk bertutur dan meneroka lebih banyak lagi perbendaharaan kata untuk menyempurnakan komunikasi mereka. Perkembangan percakapan dan bahasa penting untuk tujuan komunikasi dan memberi gerak balas kepada individu di sekeliling mereka. Tujuan percakapan dan bahasa bukan sahaja sebagai media komunikasi antara perseorangan bahkan juga sebagai cara untuk mengeluarkan atau melepaskan emosi mereka.

Komunikasi juga merupakan proses penyampaian serta penerimaan maklumat antara individu yang terlibat semasa sesuatu komunikasi itu berlaku. Komunikasi merupakan suatu proses penyampian dan juga penerimaan maklumat antara individu. Cara komunikasi yang biasa digunakan ialah cara berbahasa atau pengeluaran percakapan dan cara tanpa pengeluaran percakapan atau tanpa bahasa. Bahasa merupakan campuran kebolehan yang amat diperlukan untuk tujuan berkomunikasi, berbahasa atau pengeluaran percakapan. Komunikasi dipercayai bermula sebaik sahaja bayi itu dilahirkan. Pada hari ini terdapat pelbagai jenis alat bantuan untuk memantapkan bahasa yang dijual di pasaran yang boleh digunakan oleh ibu bapa atau penjaga untuk meningkatkan lagi keupayaan berbahasa kanak-kanak. Namun program untuk menguasai kemahiran berbahasa dan juga amalan berbahasa yang paling baik adalah membantu kanak-kanak dengan memberikan pendedahan bahasa yang kaya kepada mereka seawal usia. Walaupun pada awal usia kanak-kanak hanya mempunyai bilangan kosa kata yang terhad dengan bantuan bahasa badan ianya

dapat membantu mereka untuk berinteraksi disamping meningkatkan lagi kemahiran untuk berbahasa dengan lebih baik.

RUJUKAN

- Asmah Haji Omar (1985). Bentuk Bahasa Kanak-Kanak Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 29(9).
- Asmah Haji Omar (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasa dan Perundingan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, L. L. (1982). *Kinesics and Context: Essays on Body-Motion Communication*. Victoria, Australia: Penguin Books.
- Birdwistell, R.L. (1970). *Kinesics and Context: Essays on Body Motion Communication*. Pennsylvania: University of Pennsylvania Press.
- Bloch, B. & Trager, G. L. (1942). *Outline of Linguistic Analysis*. Baltimore: Linguistic Society America.
- Chomsky, N. (1965). *Aspect of the Theory of Syntax*. Cambridge. M.A: MIT Press.
- Doman, R. J., & Doman, G. J. (1956). A Useful Aid in Early Paraplegia Training. *Physical Therapy*, 36(9), 595-597.
- Esser, J. (2006). *Presentation in Language: Rethinking Speech and Writing*. Gunter Narr Verlag.
- Hasuria Che Omar & Mashudi Kader. (2009). *Sikap Bahasa*. Disember. Jakarta.
- Kamaruddin Hj. Hussin (1999). *Perancangan Bahasa Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Mahmood Nazar Mohamed (1990). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahzan Arshad. (2012). *Lisan dan Tulisan: Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mat Nor Hussin & Abdul Rashid Daing Melebek (2010). *Pemerolehan dan Pengajaran Bahasa*. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Selangor. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Amin H. A. Shariff (1994). *Teenagers in Crisis*. Rekod dari Academy Scientific Meeting of the Academy of Medicine of Malaysia. Kuala Lumpur.
- Muhammad Safuan Mat Salleh (2011). *Implikatur dalam Perbualan Pelajar*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Nik Safiah Karim (1996). *Malay Grammar for Academics and Professionals*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nord, C. (1997). Alice Abroad: Dealing with Description and Transcription of Paralanguage in Literary Translation. Dlm F. Poyatos (E.d). *Nonverbal Communication and Translation* (hlm 107-130), Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1999). *Relevens, Komunikasi dan Kognisi* (Terjemahan). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azmira Mohammad (2001). *Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa di Kalangan Kanak-kanak*. Tesis Master. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Piaget, J. (1936). *Origin of Interlligence in the Child*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Pease, A. & Pease, B. (2004). *The Definitive Book of Body Language*. Australia: Pease International.
- Poyatos, F. (1993). *Paralanguage: A Linguistic and Interdisciplinary Approach to Interactive Speech and Sound*. Amsterdam/ Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Puteri Roslina Abdul Wahid (2008). Bahasa Resptif dan Bahasa Ekspresif dalam Komunikasi Verbal: Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-kanak Sindrom Down. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19(1), 143-166.
- Radiah Yusoff, Nor' Aini Ismail & Norazilah Buhari. (2009). Penggunaan Video Muzik dalam Pengajaran Bahasa Bukan Verbal. Dlm Omar, H. C., Awang, R., Jamaluddin, S. Z. A. S., & Mohamed, N. (Eds.) *Bahasa Verbal dan Bukan Verbal 1* (hlm. 144-153). Kuala Lumpur. ITBM.
- Safar Hashim & Fatimah Yusoff. (1988). *Komunikasi Antara Manusia: Ciri-Ciri Penting Dalam Komunikasi Peribadi dan Komunikasi Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Skinner, B.F. (1957). *Verbal Behaviour*. Massachusetts: Copley Pub. Group.
- Smith, H. & Trager, G. L. (1948). *Advances in Language Planning*. The Hague: Mouton.
- Schuller, B. & Batliner, A. (2013). *Computational Paralinguistics: Emotion, Affect and Personality in Speech and Language Processing*. London: John Wiley & Sons.
- Tarigan, H. G. (1990). *Pengajaran Bahasa*. Bandung: Angkasa.
- Trager, G. L. (1958). *Outline of Linguistic Analysis*. Baltimore: Linguistic Society America.
- Trask, R. L. (1996). *A Dictionary of Phonetics and Phonology*. Routledge: London.
- Vijayaletchumy Subramaniam (2000). *Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-kanak Melayu*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Normaliza Abd Rahim (2007). *Penggunaan Gambar dalam Pembelajaran Bahasa*. Cendekia. Universiti Putra Malaysia. Selangor.